

19 JUL 1999

Australia-MSK

MEDIA AUSTRALIA DIBIDAS KERANA TIDAK MENYOKONG MSC

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 19 Julai (Bernama) -- Media dan syarikat-syarikat multimedia di Australia hari ini dibidas kerana kurang memberi liputan dan perhatian terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia.

Dalam surat kepada ``Australian Financial Review'' (AFR) hari ini, Dr Terry Cutler daripada Cutler & Company, berkata: ``Liputan dalam AFR, dan beberapa lagi akhbar mengenai Lembah Silikon dan perniagaan melalui komputer di Amerika Syarikat semakin banyak dan ini patut dipuji -- tetapi mengapa pula tiada liputan mengenai pembangunan penting dalam sektor IT di rantau sendiri?

``Saya baru pulang daripada menghadiri mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa MSC. Adalah sangat dikesali yang mesyuarat ini, dan perkembangan signifikan yang telah berlaku di Malaysia untuk masuk ke era ekonomi maklumat, tidak diberi perhatian oleh media Australia dan terbitan industri.

``Perniagaan dan industri rugi kerana hampir tiada langsung liputan mengenai perkembangan besar dalam industri itu di Asia.''

Cutler memberitahu pembaca AFR yang anggota panel penasihat MSC dalam mesyuarat mereka di Cyberjaya diwakili oleh nama-nama terkemuka di dunia dalam bidang teknologi maklumat''.

Beliau berkata, di persidangan media yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir mesyuarat itu, anggota-anggota panel mengakui:

* Tiada pertemuan setanding antara ketua-ketua industri dengan Perdana Menteri sebuah negara dan anggota-anggota kanan Kabinet di mana-mana tempat di dunia;

* Dalam tempoh singkat tiga tahun, Malaysia sebenarnya telahpun melaksanakan aktiviti-aktiviti penting yang sangat menarik dan berdaya saing tinggi.

Cutler berkata, antara intipati mesyuarat itu ialah perasmian Universiti Multimedia di Cyberjaya. ``kampus ini telahpun mempunyai lebih 3,000 penuntut,' ' katanya.

``Terdapat kepimpinan, satu momentum, dalam industri itu di Malaysia yang kini menarik pelaburan serius," katanya.

``Buat masa ini firma-firma Australia agak ketinggalan dalam pembangunan canggih di rantau kita ini. Demi kepentingan kita adalah baik mengubah keadaan ini.''

-- BERNAMA.

NDC PR